



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 7 JUN 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

511 Jumaat, 7 Jun 2024

Nasional

5

Ops Tiris 3.0

# Rampas RM12.46j barang subsidi diseleweng tempoh lima bulan

19,337 premis diperiksa, 360 tangkapan dibuat sepanjang operasi

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

**Tempat:** Ops Tiris 3.0 yang dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merekodkan nilai rampasan RM12.46 juta dalam tempoh lima bulan tahun ini di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata 19,337 premis diperiksa dalam tempoh berkenaan dan daripada jumlah itu sebanyak 986 kes dihasilkan.

"Daripada 986 kes yang dihasilkan ia membabitkan nilai

rampasan RM12.46 juta meliputi pelbagai jenis barangan termasuk diesel, petrol, minyak masak dan gula.

"Dalam tempoh berkenaan juga katanya, 360 tangkapan dilakukan membabitkan warga tempatan dan warga asing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di sempadan di Sungai Golok, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail.

**Lamban baik Ops Tiris 3.0**

Beliau berkata, pihaknya melakukan dua penambahbaikan menerusi Ops Tiris 3.0 daripada tumpuan diesel kepada barang kawalan dan bersubsidi lain.

"Insya-Allah Ops Tiris akan dilaksanakan sehingga akhir tahun ini sebelum kita menilai sesuatu untuk tahun depan," katanya.

Mengulas mengenai tinjauan



Armizan bersama Pasukan PGA Batalion 7 dan Pasukan Polis Marin Pengkalan Kubor meronda di sempadan Malaysia-Thailand di Sungai Golok, semalam. (Foto: N/A/Abdullah Nik Omar/BERNAMA)

di sempadan, Armizan berkata, lawatannya itu bagi melihat sendiri operasi penguatkuasaan di pintu masuk sempadan Kelantan-Thailand.

Pada masa sama katanya, ia bagi memperkukuhkan lagi kerjasama yang sedia terjalin di antara KPDN dan agensi lain termasuk Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

"Berdasarkan tinjauan, kita dapat melihat sendiri kepelbagaian cabaran penguatkuasaan di kawasan sempadan.

"Sungai Golok ada keunikan tersendiri di mana ia sungai yang panjang dan sempit yang mengundang kepada kegiatan penyeludupan," katanya.

gapan cabaran penguatkuasaan di kawasan sempadan.

"Sungai Golok ada keunikan tersendiri di mana ia sungai yang panjang dan sempit yang mengundang kepada kegiatan penyeludupan," katanya.

## Tapak pembinaan simpan diesel tanpa permit diserbu

**Bandar Permaisuri:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 4,000 liter diesel yang disyaki bersubsidi ditanggarkan bernilai RM12,000 dalam satu serbuan di sebuah tapak projek pembinaan di Kampung Langkap di sini, kelmarin.


Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, berkata serbuan menerusi Ops Tiris 3.0 jam 11 pagi itu dilaksanakan empat anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Besut selepas risikan selama dua minggu.

"Ketika pemeriksaan dijalankan pasukan berjaya menemukan sebuah tangki simpanan berisi diesel dengan anggaran 4,000 liter yang dipercayai untuk digunakan jentera berat.

"Pemeriksaan lanjut mendapati syarikat pembinaan itu gagal mengemukakan sebarang permit atau surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan KPDN untuk menyimpan diesel di lokasi berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, satu kertas siasatan dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Saharuddin berkata, KPDN



Anggota KPDN memeriksa tong menyimpan diesel bersubsidi di tapak projek pembinaan di Kampung Langkap, semalam. (Foto: Ihsan KPDN)

memberi amaran keras kepada semua pihak tidak sekali-kali melakukan kesalahan seumpama itu kerana boleh dikenakan denda sehingga RM5 juta.

Mana-mana individu yang melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta ma-

nakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara, bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta manakala untuk kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta. BERNAMA

## Pelaksanaan subsidi bahan api bersasar bakal dilaksana tahun ini

**Tumpat:** Pelaksanaan penyasaran subsidi membabitkan diesel di Semenanjung dijangka dilaksanakan tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

"Kita jangkakan Perdana Menteri akan mengumumkan tidak lama lagi, pelaksanaan subsidi diesel bersasar itu insya-Alah dilaksanakan tahun ini.

"Namun suka saya nyatakan, kerajaan bukan menghapuskan subsidi, sebaliknya menyasarkan subsidi berkenaan kepada mereka yang layak.

"Pada masa sama, dengan pelaksanaan subsidi bersasar itu, penyeludupan membabitkan diesel akan berkurangan memandangkan harga di Malaysia dan Thailand tidak jauh berbeza, berbanding sebelum ini," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di sempadan di Sungai Golok, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail.

Jelasnya, daripada pihak KPDN, sudah melakukan persisipan sejak awal lagi selepas perkara itu diumumkan dalam Belanjawan tahun lalu.

Katanya, dari segi sistem dan integrasi data, pihaknya sudah bersedia, selain sudah melakukan projek rintis sebelum pelaksanaan penyasaran diesel bermula.

### Beri perkhidmatan RM10k

Media sebelum ini melaporkan, Kabinet bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi bahan api bermula dengan diesel membabitkan pengguna di Semenanjung.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, dengan usaha penyasaran subsidi diesel ini, jumlah perkhidmatan kepada kerajaan adalah dijangka (secara kasar) sekitar RM1 bilion setahun.

Katanya, sebagai permulaan, penyasaran subsidi diesel hanya akan membabitkan pengguna di Semenanjung.

# BUDI MADANI Bantuan pertama subsidi dibayar Isnin

Lebih 30,000 pemohon dapat RM200 bagi kurangkan beban kos sara hidup

Oleh Suzalina Halid  
binews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lebih 30,000 individu, petani dan pekebun kecil komoditi menjadi kumpulan pertama menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif BUDI MADANI berjumlah RM200 pada Isnin ini.

Inisiatif BUDI MADANI adalah satu program subsidi diesel khas untuk pemilik kenderaan diesel persendirian dan peng- usaha sektor pertanian di Malaysia.

Menurut Kementerian Kewangan, semua 30,000 permohonan yang diluluskan itu akan menerima wang tunai subsidi mereka melalui akaun bank penerima, manakala penerima BUDI MADANI secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung.

"Bagi membendung kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus menyediakan subsidi die-

sel terbesar kepada kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu.

"Bantuan tunai RM200 hanya disediakan kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi yang layak," kata Kementerian itu dalam kenyataan, semalam.

BUDI MADANI ialah usaha kerajaan memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak, terbahagi kepada bantuan individu (BUDI Individu), petani serta pekebun kecil (BUDI Agri-Komoditi) dan syarikat serta kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Di bawah Belanjawan 2024, kerajaan komited untuk menyasar semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyelewengan, penyelewengan dan ketirisan subsidi rakyat.

Dianggarkan lebih 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung layak untuk menerima BUDI Individu, manakala 68,000 petani, 8,000 penternak dan 34,000 peng-



Inisiatif BUDI MADANI adalah satu program subsidi diesel khas untuk penerima layak. (Foto: Hasan)

## Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) merangkumi 5 elemen



usaha akuakultur dengan skala kecil layak menerima manfaat daripada BUDI Agri-Komoditi.

Pada masa sama, menurut Kementerian Kewangan, pemohon yang layak masih boleh mendaftar untuk menerima BUDI MADANI.

Katanya, permohonan yang dibuat dalam bulan ini layak menerima bantuan tunai untuk bulan berkenaan dan bulan seterusnya.

Permohonan yang dibuat selepas Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada Julai 2024 dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun 2024.

"Berdasarkan data permohonan setakat ini, majoriti pemohon yang tidak diluluskan adalah atas sebab tidak memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan.

"Sebagai contoh, terdapat permohonan petani dan pekebun kecil

yang tidak berdaftar di Kementerian yang berkaitan," katanya.

Menurut Kementerian Kewangan, bagi pemohon individu yang tidak diluluskan, mereka boleh membuat semakan permohonan serta mengemukakan rayuan di laman sesawang BUDI MADANI iaitu <https://budimadani.gov.my>.

Petani dan pekebun kecil yang masih belum berdaftar di agensi di bawah Kementerian itu dinasihatkan untuk berbuat demikian terlebih dahulu, sebelum mengemukakan permohonan untuk BUDI MADANI.

Untuk mengetahui lebih lanjut berhubung syarat kelayakan BUDI MADANI, orang ramai boleh melayari <https://budimadani.gov.my> atau menghubungi talian bantuan BUDI MADANI di nombor 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-8882 4566 atau secara e-mel di [budimadani@treasury.gov.my](mailto:budimadani@treasury.gov.my).

Pertanyaan dan maklumat lanjut juga boleh diperoleh di semua pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di seluruh Semenanjung.

**Penyerasan subsidi diesel**  
Dalam perkembangan berka- tan, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengesahkan kerajaan sudah menetapkan tarikh pelaksanaan penyerasan subsidi diesel dan akan diumumkan dalam

masa terdekat.

Rafizi berkata, pengumuman tarikh itu tidak boleh dibuat terlalu awal bagi mengelakkan ketirisan di pelbagai peringkat.

Katanya, pengumuman awal akan mengakibatkan pembekal menyimpan stok dan berlaku penyelewengan.

"Adakah ia akan sama dengan tarikh penerimaan pertama bantuan tunai BUDI MADANI pada 10 Jun ini? Ia bergantung kepada pengumuman."

"Kerajaan tidak mahu umum terlalu awal berdasarkan kepada pertimbangan beberapa faktor. Pertama, kita tak nak ada kesan kepada inflasi, selain tak mahu pembekal simpan bekalan diesel atau berlakunya penyelewengan."

"Program rasionalisasi subsidi diesel dan petrol ini masih di landasan yang betul seiring dengan sasaran garis masa yang ditetapkan," katanya selepas merasmikan Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, Pengerusi Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), Datuk Dr Ahmad Suhaili Idrus; Ketua Pegawai Eksekutif MPRC, Mohd Yazid Ja'afar dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Ekonomi, Datuk Dr Yatimah Sarjiman.



## Lebih 30,000 dilulus terima RM200 subsidi diesel

**PUTRAJAYA:** Lebih 30,000 permohonan melibatkan kategori individu, petani dan pekebun kecil komoditi diluluskan untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani pada 10 Jun ini.

Kementerian Kewangan memaklumkan, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama berjumlah RM200 melalui akaun bank penerima.

Katanya, bagi penerima tanpa akaun bank boleh membuat tuntutan secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung.

"Permohon yang berkelayakan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Permohonan yang dibuat dalam Jun layak menerima bayaran untuk bulan tersebut dan bulan seterusnya.

"Permohonan yang dibuat selepas Jun hanya layak menerima

bayaran bermula Julai dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Untuk rekod, Budi Madani merupakan usaha kerajaan untuk memastikan peruntukan subsidi disalurkan kepada golongan layak di mana ia terbahagi kepada bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) selain syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Di bawah Belanjawan 2024, kerajaan komited untuk menyasarkan semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyelewengan, penyelewengan dan ketirisan subsidi rakyat.

Bagi membendung kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel bersasar kepada kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu.

## 30,000 penerima dapat RM200 melalui Budi Madani

**PUTRAJAYA** - Lebih 30,000 pemohon melibatkan kategori individu, petani dan pekebun kecil komoditi telah diluluskan untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani pada Isnin depan.

Kementerian Kewangan berkata, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama berjumlah RM200 pada 10 Jun 2024 melalui akaun bank penerima.

Katanya, bagi penerima tanpa akaun bank boleh membuat tuntutan secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional seluruh Semenanjung.

"Pemohon yang berkelayakan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Permohonan yang dibuat dalam bulan Jun 2024 layak menerima bayaran untuk bulan tersebut dan bulan seterusnya.

"Permohonan yang dibuat selepas Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada bulan Julai ini dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun 2024," katanya dalam kenyataan semalam.

Untuk rekod, Budi Madani ialah usaha kerajaan untuk memastikan peruntukan subsidi

disasarkan kepada golongan layak di mana ia tertahagi kepada bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) selain syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Di bawah Belanjawan 2024, kerajaan komited untuk menyasarkan semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyeludupan, penyelewengan dan ketirisan subsidi rakyat.

Bagi membendung kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel bersasar kepada kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu.

Bantuan tunai RM200 disediakan kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi yang layak.

Dianggarkan seramai 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung Malaysia layak untuk menerima Budi Individu.

Seramai 68,000 petani, 8,000 penternak dan 34,000 pengusaha akuakultur dengan skala kecil berkelayakan menerima manfaat daripada Budi Agri-Komoditi.



## Penyeludup tukar taktik selepas penyiasan subsidi diesel diumumkan kerajaan

# Kes seludup petrol RON95 meningkat

Oleh MUHAMMAD AYMAN  
GHAFFA

**TUMPAT** – Kes penyeludupan petrol RON95 di stesen minyak yang terletak di kawasan sempadan Malaysia-Thailand meningkat sejak awal tahun ini selepas pengumuman penyiasan subsidi diesel diumumkan dalam Belanjawan 2024.

Menyebut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, peningkatan itu berlaku selepas sindiket penyeludupan bertindak menukar strategi mereka daripada menyeludup diesel kepada petrol.

Menurutnya, taktik itu dikesan berdasarkan laporan daripada anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang menjalankan pemantauan di stesen-stesen minyak di kawasan sempadan negara.

"Sindiket penyeludup sebelum ini menggunakan trak pikap untuk menyeludup diesel. Apabila pengumuman penyiasan subsidi diesel diumumkan, kita dapat lihat peningkatan kes



ARMIZAN (kanan) melihat sebuah kereta Proton Wira digunakan penyeludup untuk menyeludup petrol RON95 di Jeti Polis Marin Pengkalan Kubor, Tumpat semalam.

melibatkan penyeludupan petrol RON95 sejak awal tahun ini.

"Jumlah atau angka peningkatan kes melibatkan petrol

bagaimanapun akan diumumkan kemudian.

"Berdasarkan laporan, penyeludup menukar taktik mereka

dengan menyeludup petrol di stesen minyak di kawasan sempadan. Dahulu mereka banyak menggunakan trak pikap, tetapi

kini penyeludup menaiki kereta sedan untuk menyeludup petrol," katanya pada sidang akhbar selepas menjalankan tinjauan sempadan sepanjang Sungai Gelok di Jeti Polis Marin Pengkalan Kubor, sini semalam.

Armizan memberitahu, sindiket penyeludupan juga didapati menjalankan kegiatan menyeludup petrol secara berulang dan mengubah suai kereta mereka bagi mengelakkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa.

Katanya, sehubungan itu, pihaknya akan mengeluarkan arahan kepada pemilik stesen minyak akan menjalankan pemantauan rapi dan laporan lengkap terhadap kenderaan atau kereta sedan yang melakukan pembelian petrol RON95 secara berulang.

"KPDN juga akan menempatkan pegawai penguat kuasa di lapian pintu masuk sempadan di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan untuk mengalakkan barangan bersubsidi negara seperti diesel, petrol, tolgas petroleum cecair (LPG), minyak masak dan tepung gandum diseleweng ke negara jiran," ujarnya.

## RM12.46 juta rampasan dalam Ops Tiris 3.0 di sempadan

**TUMPAT** – Pelbagai barangan subsidi bernilai RM12.46 juta dirampas semasa penguatkuasaan Ops Tiris 3.0 dijalankan di kawasan sempadan negara sejak awal tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, sebanyak 19,337 pemeriksaan dijalankan di seluruh negara merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilang, kuari, pos kawalan dan premis bermula 1 Januari hingga 31 Mei lalu.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 888 kes telah dikenal pasti dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM12.46 juta melibatkan pelbagai jenis barangan.

"Rampasan minyak diesel paling banyak dicatatkan (iaitu melibatkan RM11.25 juta diikuti minyak masak (RM363,858), petrol RON95 (RM320,0946) dan gula (RM282,577).

"Selain itu, tong gas petroleum cecair (LPG) bernilai RM232,209 dan tepung gandum sebanyak RM29,232 turut dirampas sepanjang Ops Tiris 3.0," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan tinjauan sempadan sepanjang Sungai Golok di Jeli Polis Marin Pengkalan Kubor, sini semalam.



**ARMIZAN (dua dari kiri) semasa mengadakan lawatan di ICOS Pengkalan Kubor, Tumpat semalam.**

Mengulas lanjut, Armizan memberitahu, sebanyak 360 tangkapan dilakukan terhadap warga tempatan, warga asing dan pemastautin tetap.

Menurutnya, skop Ops Tiris 3.0 diperluaskan meliputi barang-barang kawalan lain iaitu gula putih bertapis, minyak masak, tepung gandum, petrol RON95 dan LPG.

"Pelaksanaan operasi itu juga diperkukuhkan dengan penempatan pegawai-pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di pintu-pintu masuk Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (IKCS) di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan bermula 20 Januari lalu," tambahnya.

## Tapak pembinaan simpan 4,000 liter diesel diserbu

**Bandar Permaisuri:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 4,000 liter minyak diesel yang disyaki bersubsidi dianggarkan bernilai RM12,000 dalam satu serbuan di sebuah tapak projek pembinaan di Kampung Langkap di sini, kelmarin.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan menerusi Ops Tiris 3.0 jam 11 pagi itu dilaksanakan empat anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Besut selepas

risikan dua minggu.

"Ketika pemeriksaan dijalankan pastakan kami berjaya menemukan sebuah tangki simpanan berisi minyak diesel dengan anggaran 4,000 liter yang dipercayai untuk kegunaan jentera berat.

"Pemeriksaan lanjut mendapati pihak syarikat pembinaan terlibat gagal mengemukakan sebarang permit atau surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan KPDN untuk menyimpan minyak diesel di lokasi berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

**Tumpat:** Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia dijangka dilaksanakan tahun ini kata, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Katanya, perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

"Kita jangkakan Perdana Menteri akan mengumumkan tidak lama lagi, pelaksanaan subsidi diesel bersasar itu. Insya Allah dilaksanakan tahun ini."

"Namun, suka saya nyu-

## Subsidi bersasar dilaksana tahun ini

takan, kerajaan bukan menguapuskan subsidi, sebaliknya mensasarkan subsidi berkenaan kepada mereka yang layak.

"Pada masa sama, dengan pelaksanaan subsidi bersasar itu, penyediaan membabitkan diesel akan berkurangan membandingkan harga di Malaysia dan Thailand tidak jauh berbeza, berbanding sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan di sempadan di Sungai

Golok di sini, semalam yang turut dihadiri Pengerah KPDN Kelantan, Azman Ismail.

Tetapnya, dari pihak KPDN, mereka sudah melakukan persiapan sejak awal lagi selepas perkara ini diumumkan dalam Belangawan tahun lalu.

Katanya, dari segi sistem dan integrasi data, pihaknya sudah bersedia sebelum ini, pelaksanaan projek rintis sebelum pelaksanaan penyasaran diesel bermula.

Media sebelum ini melaporkan, kabinet bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api bermula dengan diesel membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, dengan usaha penyasaran subsidi diesel ini, jumlah perijmatan kepada kerajaan adalah dijangka (secara kasar) sekitar RM4 billion setahun.



ARMIZAN meninjau perairan sempadan Malaysia-Thailand dengan menaiki bot Polis Maritim Pengkalan Kubor di Sungai Golok sempena lawatan kerja ke Kelantan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

## Penyasaran subsidi diesel: Penyeludup ubah strategi sasar RON95

**TUMPAT** - Langkah kerajaan mengumumkan penyasaran subsidi diesel menyebabkan penyeludup mengubah taktik dengan menyasarkan petrol RON95 sekali gus menyaksikan peningkatan penyeludupan bahan api tersebut.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Amizan Mohd Ali berkata, maklumat rasmi tersebut hasil pemantauan yang dilakukan oleh pegawai penguat kuasa yang ditempatkan di lapan pintu masuk utama di Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis.

"Ini merupakan hasil pemantauan menerusi pelaksanaan Ops Tiris 3.0 dalam tempoh lima bulan bermula Januari hingga Mac lalu.

"Sebelum ini kita lihat trend penyeludupan diesel, namun sejak pengumuman penyasaran

bahan api itu oleh kerajaan penyeludup beralih pula kepada petrol RON95.

"Pada masa sama, mereka turut mengubah taktik dengan membuat pembelian secara berulang di stesen minyak menggunakan kenderaan sedan yang telah diubah suai dengan tujuan penyeludupan. Sebelum ini pacuan empat roda," katanya selepas mengadakan rondaan di sempadan Malaysia-Thailand di Sungai Golok, Pengkalan Kubor di sini pada Khamis.

Amizan berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi membolehkan diesel di Semenanjung dijangka dilaksanakan tahun ini. Katanya, perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

"Kita jangka Perdana Menteri mengumumkannya tidak lama



Amizan (dua dari kiri) melihat kenderaan sedan yang diubah suai oleh penyeludup untuk tujuan penyeludupan bahan api ke negara Iran semasa lawatan beliau di sempadan Malaysia-Thailand di Sungai Golok, Pengkalan Kubor, Tumpat pada Khamis.

lagi, pelaksanaan subsidi diesel terbesar itu Insya-ALLAH dilaksanakan tahun ini," ujar beliau.

Sementara itu, Amizan ber-

RON95 dan kawalan menerusi Ops Tiris 3.0.

"Ini merupakan antara pambahakan yang kita lakukan bagi memastikan aktiviti penyeludupan barangan subsidi dan kawasan berjaya dikawal dan kawalan berjaya dikawal.

"Pelbagai barangan subsidi bernilai RM12.46 juta drampas semasa penguatkuasaan Ops Tiris 3.0 dijalankan di kawasan sempadan negara sejak awal tahun ini.

"Rampasan minyak diesel paling banyak dicatitkan lalu melibatkan RM11.25 juta diikuti minyak masak (RM363,858), petrol RON85 (RM320,0846) dan gula (RM282,577)," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, tong gas petroleum cecair (LPG) bernilai RM232,209 dan tepung gandum sebanyak RM29,232 turut drampas sepanjang Ops Tiris 3.0.

# Bantuan Budi Madani mula disalur Isnin ini

**MOF tulus permohonan lebih 30,000 pemohon untuk menerima bantuan subsidi tunai**

Oleh FARAH SHAZWANI ALI SHAH ALAM

**K**ementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan lebih 30,000 pemohon individu, petani dan pekebun kecil komoditi untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani setakat Khamis.

MOF dalam kenyataan memaklumkan, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama berjumlah RM200 pada 10 Jun ini melalui akaun bank masing-masing.

Bagi penerima tanpa akaun bank pula boleh menuntut Budi Madani secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN)

seluruh Semenanjung Malaysia.

"Pemohon yang berkecualan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Pemohonan yang dibuat dalam bulan Jun 2024 layak menerima bayaran untuk bulan tersebut dan bulan seterusnya.

"Pemohonan yang dibuat selepas bulan Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada bulan Juli 2024 dan tidak akan mendapat bayaran untuk bulan Jun 2024," kata kenyataan itu.

Budi Madani ialah usaha Kerajaan Madani untuk memastikan peruntukan subsidi disalurkan kepada golongan yang layak, terbahagi kepada bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) dan syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Menurut MOF, dianggarkan seramai 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung Malaysia layak untuk menerima Budi Individu, Seramai 88,000 petani, 8,000 penternak dan 34,000 pengusaha akuakultur dengan skala kecil juga

**Program Bantuan BUDI MADANI**

Penyediaan subsidi bahan api diesel melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi serta pengangkutan barang dalam di Semenanjung Malaysia.

- BUDI INDIVIDU**: Bantuan subsidi tunai di sediakan kepada pemilik kenderaan individu.
- BUDI AGRi-KOMODITI**: Bantuan subsidi tunai di sediakan kepada golongan petani, penternak dan pengusaha kecil yang layak.
- MYSUBSIDI DIESEL**: Inisiatif khusus kepada kenderaan awam dan pengangkutan berlesen diesel yang layak untuk kemasukan subsidi diesel melalui West port.

Untuk maklumat lanjut:  
 @ https://budimadani.gov.my  
 1 800 88 2762 / 03-642 4465 / 03-6882 4546  
 #budimadani@www.gov.my

Sumber: Buletin Media MOF 12 JUN 2024

berkecualan menerima manfaat daripada Budi Agri-Komoditi.

"Berdasarkan data permohonan setakat ini, majoriti pemohon yang tidak diluluskan adalah atas sebab tidak memenuhi kriteria ke layakkan yang ditetapkan. Sebagai contoh, terdapat pemohon petani dan pe-

kebun kecil yang tidak berdaftar di Kementerian yang berkenaan," jelasnya.

Bagi pemohon individu yang tidak diluluskan, mereka boleh membuat semakan permohonan serta mengemukakan rayuan di laman sesawang Budi Madani iaitu <https://budimadani.gov.my>.



BUDI MADANI

## 30,000 farmers, smallholders to get RM200 cash aid on Monday

**KUALA LUMPUR:** More than 30,000 individuals, farmers and smallholders will get the first RM200 Budi Madani cash assistance on Monday through their bank accounts.

The Finance Ministry said those without a bank account could claim the aid in cash by bringing their MyKad to any Bank Simpanan Nasional (BSN) branch.

People who applied in June would be eligible for payment for that month and the following months, while applications made after this month would only be eligible for payments starting July, the ministry said in a statement.

Budi Madani is a government initiative to ensure that subsidy allocations are targeted at eligible groups, divided into individual assistance (Budi Individu), farmers and small growers (Budi Agri-Komoditi), and companies and transport vehicles (MySubsidi Diesel).

It is estimated that 300,000 private diesel vehicle owners in the peninsula are eligible to receive Budi Individu, and 66,000 farmers, 8,000 livestock farmers, and 34,000 small-scale aquaculture operators are eligible to benefit from Budi Agri-Komoditi.

According to the ministry, most of applications were not approved due to the applicants failing to meet the specified eligibility criteria.

For individual applicants who have yet to receive approval, they can check their application status and appeal on the Budi Madani website at <https://budimadani.gov.my>.

For farmers and smallholders who are yet to register with agencies under the relevant ministries, they are advised to do so before submitting a Budi Madani application.

For more information on the eligibility criteria for Budi Madani, visit <https://budimadani.gov.my> or contact the Budi Madani helpline at 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-8882 4566 or via email at [budimadani@treasury.gov.my](mailto:budimadani@treasury.gov.my).

Further inquiries and information can also be obtained at all Inland Revenue Board offices throughout Peninsular Malaysia.



NewStraitsTimes, FRIDAY, JUNE 7, 2024

4

**NEWS / Nation**

MODIFIED FUEL TANKS 1008

# SMUGGLERS SWITCHING TO RON95

Minister: Change in trend believed to be due to diesel subsidy rationalisation

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH  
**TUMPAI**  
 news@nst.com.my

**F**UEL smugglers operating along Malaysia's border areas have now shifted their attention from diesel to RON95, following the government's move in implementing diesel subsidy rationalisation.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the change in the smugglers' strategy was detected earlier this year at exit points in Perlis, Perak, Kedah and Kelantan.

"Based on initial reports from enforcement officers at the Immigration, Customs, Quarantine, and Security Complexes, one of

the main issues identified was the increasing trend of smuggling RON95 petrol, when they had previously focused on spritzing away diesel.

"We believe that smuggling syndicates have shifted their strategies shortly after the government announced the impending rationalisation of diesel subsidies.

"The modus operandi would involve smugglers making repeated purchases at petrol stations in the border states," he said after visiting the Malaysia-Thailand border at Sungai Golok, Pengkalan Kubor, here, yesterday.

Fuel prices are significantly cheaper in Malaysia than in Thailand due to government subsidies.

In Malaysia, RON95 fuel is



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (front boat, left), along with members of the General Operations Force and Pengkalan Kubor Marine Police Force, patrolling the Malaysia-Thailand border yesterday. PIC BY NIK ABDULLAH NIK CHAIR

priced at RM2.05 per litre while in Thailand, it retails for around 46 baht or RM5.91 per litre.

Diesel in Malaysia is sold at RM2.15 per litre compared to approximately 33 baht (RM4.24) in Thailand. The cheapest petrol variant in Thailand, known as E85, retails at 35 baht (RM4.49) per litre.

Armizan said smugglers were using four-wheel-drive vehicles and sedan cars, with modified fuel tanks, to make these purchases.

To combat this, the ministry has issued a Supply Controller's instruction to petrol station owners to submit reports on fuel purchases involving these two vehicle classes to detect suspicious repeat transactions.

The directive, he said, would come into effect today.

He said the ministry would also

strengthen cooperation with the Road Transport Department to carry out monitoring and inspections to detect modified vehicles.

On May 21, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the cabinet had agreed to implement targeted subsidy for diesel involving consumers in Peninsular Malaysia.

He said targeted subsidies for fuel, starting with diesel, was projected to save the country RM4 billion annually.

He said the targeted fuel subsidies would start with diesel and would apply to only users in the peninsula, and not those in Sabah and Sarawak.

Meanwhile, Armizan said the ministry seized RM12.46 million worth of subsidised goods, including petrol and diesel, as part of Op Tiris 3.0 from Jan 1 to May 31.

He said this involved the seizure of subsidised diesel worth RM11.24 million, RON95 petrol (RM320,094), liquefied petroleum gas (RM232,209), cooking oil (RM363,858) and sugar (RM29,232).

"Since March 1 last year, we have carried out Op Tiris 1.0, followed by Op Tiris 2.0.

"Our focus was to curb the smuggling of diesel across the Malaysia-Thailand border.

"Beginning this year, we launched Op Tiris 3.0. We wanted to strategise our efforts to curb the misappropriation of controlled goods and 19,337 inspections were carried out between Jan 1 and May 31."

He said 360 arrests, comprising both locals and foreigners, were made throughout the operation.

Op Tiris, he said, would continue until the end of the year.



## Petrol, diesel prices remain unchanged

**KUALA LUMPUR:** The retail prices of RON97 and RON95 petrol as well as diesel remain unchanged at RM3.47, RM2.05 and RM2.15 per litre, respectively, from yesterday until June 12.

The Finance Ministry in a statement said the prices were fixed based on the weekly retail pricing of petroleum products using the Automatic Pricing Mechanism.

"To protect consumers from the increase of global oil price, the government will maintain the ceiling price of RON95 at RM2.05 per litre and diesel at RM2.15 per litre although the market price for both products has increased beyond the current ceiling price that has been set."

The ministry added that the government will continue to monitor the global crude oil price trends and take appropriate measures to ensure the continued welfare and well-being of the people. — Bernama



**FIRST-HAND LOOK...**  
Domestic Trade and Costs of Living Minister Datuk Amrihan Mohd Ali (seated left) accompanying a patrol team at the Malaysia-Thailand border yesterday.  
— BERNAMA/PC



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 'Inisiatif kerajaan reformasikan subsidi'

**Kuala Lumpur:** Pemberian bantuan tunai bulanan BUDI MADANI adalah inisiatif kerajaan mereformasikan subsidi ke atas golongan sasaran, termasuk petani dan nelayan dengan menguruskan sendiri subsidi berdasarkan keperluan masing-masing.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM), Adzmi Hassan, berkata kerajaan tidak boleh lagi menguruskan subsidi untuk mereka, sebaliknya sudah tiba masa kumpulan sasaran itu melalui proses reformasi

menguruskan sendiri subsidi.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya meminta supaya permohonan bagi mendapatkan BUDI MADANI dipermudahkan dengan mengambil data Pangkalan Data Utama (PADU).

"Secara prinsipnya kita menyokong pemberian subsidi ini dan ia umpama reformasi bagi rakyat, termasuk petani dan pekebun supaya menguruskan sendiri subsidi dan bukan lagi kerajaan yang uruskan.

"Jumlah RM200 itu diyakini mencukupi untuk menampung

diesel, malah kita percaya bantuan terbabit juga boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan asas lain.

"Selain itu ia juga boleh menangani masalah ketipisan subsidi seperti berlaku sebelum ini," katanya kepada BH, semalam.

Adzmi berkata, pihaknya mahu lebih ramai ahli PKPKM mendapat BUDI MADANI.

"Jika pekebun kecil mengambil hasil sawit kira-kira dua kali dalam sebulan di kebun, bantuan RM200 itu boleh menampung

bahan diesel.

"Bagi penghantaran buah sawit ke kilang pula, ia menggunakan pengangkutan lain," katanya.

Dengan pemberian subsidi tunai itu juga, beliau berkata, ia tidak boleh dijadikan alasan bagi peniaga untuk menaikkan harga barangan kerana kos pengangkutan kebiasaannya hanya mewakili 30 peratus daripada keseluruhan kos.

Apatah lagi katanya, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel itu sudah ditampung dengan pemberian BUDI MADANI.

Secara prinsipnya kita menyokong pemberian subsidi ini dan ia umpama reformasi bagi rakyat, termasuk petani dan pekebun supaya menguruskan sendiri subsidi

Adzmi Hassan,  
Presiden  
PKPKM



Kosmo! JUMAAT 7 JUN 2024

# Budi Madani: 'Bayang' subsidi RON95?

**KEMENTERIAN** Kewangan baru-baru ini mengumumkan pelaksanaan Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani yang melibatkan pemilik kenderaan diesel pensendirian, petani kecil dan pekebun kecil komoditi.

Penerima yang layak akan disalurkan RM200 sebulan, seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dijangka tidak lama lagi.

Antara yang akan dipertimbangkan termasuk pemilik kenderaan diesel yang diklasifikasikan sebagai mewah, namun usianya sudah uzur melebihi 10 tahun, menurut Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Bagi penulis, bantuan RM200 boleh dikatakan agak lumayan dan mencukupi, berdasarkan harga diesel semasa tanpa subsidi, ditambah kadar penggunaan petrol penulis sendiri setiap bulan.

Sebuah platform automotif popular, Paul Tan baru-baru ini membincangkan nilai tersebut dengan lebih terperinci.

"Hari ini (28 Mei 2024), diesel Euro 5 tanpa subsidi dijual pada harga RM3.33 seliter. Berbanding harga kawalan RM2.15, peningkatan 55 peratus, atau sebanyak RM1.18 seliter.

"Menggunakan RM3.33 seliter sebagai harga pasaran (asas), bayaran Budi Madani sebanyak RM200 akan



menggantikan perbezaan harga sehingga 169.5 liter diesel sebulan.

"Sekiranya kenderaan anda menggunakan satu liter diesel untuk setiap 10 kilometer perjalanan, subsidi yang diberikan adalah untuk perjalanan sejauh 1,700 kilometer sebulan," katanya.

Meskipun tidak layak menerima Budi Madani, penulis ada memasang angan-angan menerima bantuan yang lebih kurang serupa sekitar RM200 sebulan pada masa hadapan.

Ini kerana, Budi Madani dirasakan satu bayangan kepada pelaksanaan subsidi bersasar untuk RON95 kelak, yang pastinya ramai di antara kita bakal menikmatinya?

Pengarah Program MBA, Putra Business School Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff turut bersetuju Budi Madani adalah bayangan kepada program subsidi RON95 bersasar, dari segi bantuan berkenaan mungkin sekali tidak akan diberikan di stesen minyak, sebaliknya dikreditkan

secara terus kepada rakyat yang layak.

Pada masa sama, beliau berpandangan kerajaan akan memantau secara rapat sebarang isu dan masalah pelaksanaan Budi Madani supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan untuk subsidi bersasar RON95 nanti.

Ini termasuk nilai bantuan, yang mana beliau mengharapkan ia bakal diberikan pada kadar yang berbeza-beza mengikut keperluan dan kemampuan penerima, berdasarkan faktor seperti saiz isi rumah, bilangan tanggungan, jenis kenderaan dan jarak perjalanan yang biasa ditempuh setiap bulan.

Kesemua maklumat diperolehi ini mungkin sudah tersedia di Pangkalan Data Utama (Padu).

"Selain itu, berbanding dikreditkan ke dalam akaun bank penerima setiap bulan atau boleh dituntut secara tunai bagi Budi Madani, bantuan subsidi bersasar RON95 mungkin boleh dimasukkan ke dalam e-dompot.

"Pergunaan e-dompot ini adalah supaya penerima membelanjakan bantuan diberikan pada tempat yang sepatutnya. Bagi mereka yang tidak memiliki e-dompot, MyKad mungkin satu lagi alat yang boleh digunakan," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: JUMAAT  
TARIKH: 7/6/2024  
M/SURAT: \_\_\_\_\_

**BERITA ONLINE BERTARIKH 7 JUN 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Jun	Penyeludup diesel tukar kepada petrol - Armizan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097810/penyeludup-diesel-tukar-kepada-petrol-armizan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097810/penyeludup-diesel-tukar-kepada-petrol-armizan</a>	METRO
6-Jun	Penyasaran subsidi diesel langkah sukar, tetapi perlu untuk negara.	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/06/06/penyasaran-subsidi-diesel-langkah-sukar-tetapi-perlu-untuk-negara/">https://malaysiagazette.com/2024/06/06/penyasaran-subsidi-diesel-langkah-sukar-tetapi-perlu-untuk-negara/</a>	MALAYSIA GAZETTE
6-Jun	Ops Tiris 3.0 catat RM12.46 juta nilai rampasan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097877/ops-tiris-30-catat-rm1246-juta-nilai-rampasan#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097877/ops-tiris-30-catat-rm1246-juta-nilai-rampasan#google_vignette</a>	METRO
6-Jun	Ops Tiris 3.0: KPDN tumpu penyeludupan barangan subsidi, kawalan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/668577/berita/nasional/ops-tiris-30-kpdn-tumpu-penyeludupan-barangan-subsidi-kawalan">https://www.sinarharian.com.my/article/668577/berita/nasional/ops-tiris-30-kpdn-tumpu-penyeludupan-barangan-subsidi-kawalan</a>	SINAR HARIAN